

BRIEFING NOTES

**YBHG. DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN MD. ARIFF,
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING,
UNTUK MESYUARAT TUJUAN AM, PADA 25 JANUARI 2019
JAM 9.00 PAGI DI DEWAN MESYUARAT CEMPAKA**

1. MPT DAN BANDARAYA FUKUOKA, JEPUN MENTRAI PERJANJIAN KERJASAMA DUA HALA DALAM BIDANG BERKAITAN ZOOLOGI.

Bandaraya Fukuoka, Jepun merupakan 'rakan karib' kepada bandaraya Ipoh yang telah dipupuk menerusi Program Bandaraya Berkembar sejak 30 tahun dahulu. Di sepanjang tahun tersebut, banyak program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh kedua-dua bandaraya ini, sekaligus menjadikan hubungan dua hala ini sangat produktif dan bermanfaat dalam pelbagai bidang. Pada tahun 2019, hubungan erat ini diperkembangkan dengan bandar Taiping menerusi program bersama Zoo Taiping & Night Safari. Bandaraya Fukuoka, memiliki sebuah zoo yang dikenali sebagai Fukuoka City Zoological Garden, atau Fukuoka Municipal Zoo and Botanical Garden yang kini

sedang dalam proses menaiktaraf kandang-kandang pameran. Pihak bandaraya Fukuoka amat berminat untuk mengadakan program-program berkaitan zoologi, latihan bersama, promosi, pendidikan dan kesedaran awam, pemuliharaan serta pertukaran haiwan. Hasrat ini diterima baik oleh Majlis Perbandaran Taiping dan satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Majlis Perbandaran Taiping dengan kerajaan bandaraya Fukuoka telah diadakan pada 24 Januari 2019, bertempat di bangunan Perak Darul Ridzuan. Dalam majlis tersebut, Dato' Yang Dipertua MPT, Dato' Haji Abd. Rahim bin Md. Ariff dan Datuk Bandar Fukuoka, Encik Takashima Soichiro telah menandatangani dokumen perjanjian dan disaksikan oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal

Bukan Islam dan Kampung Baharu YB Encik Yong Choo Kiong dan wakil Datuk Bandar Ipoh, Clr Mej Kamaruddin bin Abd Aziz. Upacara menandatangani MoU dan pertukaran dokumen antara bandaraya Fukuoka dan bandar Taiping telah disaksikan oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu.

2. PROGRAM KAWALAN WABAK RABIES @ ANJING GILA DI KAWASAN MPT

Bandar ini telah dikejutkan dengan beberapa kes berkaitan wabak rabies @ Anjing Gila di kawasan Taiping dan Bukit Gantang sehingga kedua-dua kawasan ini telah diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies berikutan empat sampel

diambil di kawasan itu mendapati ianya positif wabak berkenaan. Kes pertama telah dikesan ekoran kejadian dua orang sekeluarga dilaporkan telah digigit oleh seekor anjing peliharaan pada 25 Disember lalu dan anjing itu kemudiannya telah dilupuskan oleh pengadu pada 3 Januari 2019. Pihak Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Ipoh telah menjalankan ujian terhadap sempel otak anjing tersebut pada 4 Januari dan disahkan positif dijangkai penyakit tersebut. Justeru, Jabatan Veterinar Ipoh bersama-sama Bahagian Penguatkuasa MPT telah menjalankan serta merta operasi surveilan dan persampelan dalam lingkungan dua kilometer radius dari foci jangkitan bagi mengetahui status perebakan penyakit rabies di kawasan berkenaan. Sebanyak tiga sampel (daripada anjing berkeliaran) telah dikesan positif daripada

30 sampel yang diambil pada 11 Januari lalu iaitu di sekitar kawasan Tupai Business Centre dan Pekan Sri Boyan. Pewartaan kawasan jangkitan rabies dilakukan pada 14 Januari sehingga kini. Pewartaan ini membabitkan Mukim Taiping dan Mukim Bukit Gantang dan aktiviti kawalan anjing-anjing liar serta anjing terbiar diteruskan sehingga hari ini. MPT menerima kira-kira xx aduan anjing liar dan anjing terbiar pada setiap tahun dan tindakan ke atas aduan berkaitan anjing dilakukan oleh Unit Kawalan Anjing dari masa ke semasa serta berdasarkan aduan.

3. BAZAR RAMADAN 2019 DAN EKSPLO AIDILFITRI 2019

MPT telah membuka permohonan kepada orang ramai yang berhasrat untuk berniaga di Bazar Ramadan 2019 dan

Ekspo Aidil Fitri 2019. Program tahunan yang dianjurkan oleh MPT ini diadakan divenue seperti berikut :-

- i. Bazar Ramadan di Tapak Bazar Ramadan Kamunting
dan
- ii. Ekspo Aidil Fitri 2019 di Jalan Panggung Wayang
Taiping.

Borang permohonan akan dikeluarkan pada 1 Februari hingga 15 Februari bagi Expo Aidil Fitri dan 11 Februari hingga 29 Mac bagi permohonan Bazar Ramadan. Borang boleh didapati di Kaunter Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan, Tingkat Dua, Wisma MPT. Pada tahun 2018, MPT telah menawarkan sebanyak 164 permit bagi Bazar Ramadan sementara bagi Expo Aidil Fitri adalah sebanyak 128. Jumlah permit bagi kedua-dua aktiviti

tersebut bagi tahun ini, masih lagi diperingkat perbincangan.

4. KELAHIRAN BARU ANAK GAJAH DAN BURUNG SPOONBILL AFRIKA.

Seekor anak gajah jantan dari spesies gajah Asia dan sub-spesies Malaysia telah dilahirkan oleh ibunya, Tepen, yang berusia 12 tahun di pameran Zoo Taiping pada 30 Disember tahun lalu. Dengan kelahiran ini menjadikan jumlah gajah di dalam pameran Zoo Taiping & Night Safari adalah sebanyak 2 ekor gajah jantan dan 7 ekor gajah betina. Sebelum kelahiran terbaru ini, Zoo Taiping mempunyai seekor gajah jantan yang bernama 'Setia' yang berusia lebih 20 tahun. Jangka hayat bagi gajah adalah di antara 35 hingga 45 tahun. Sementara itu Zoo Taiping &

Night Safari juga telah menerima kelahiran baharu anak burung 'Spoonbill' Afrika pada 30 Disember lalu. Penetasan ini merupakan kejayaan kali kedua selepas kali terakhir Zoo Taiping berjaya membiak burung 'Spoonbill' Afrika pada tahun 2003. Kini, Zoo Taiping memiliki 3 ekor burung 'Spoonbill' Afrika iaitu seekor jantan, seekor betina dan anaknya yang masih belum dikenal pasti jantinya.

5. LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SEPANG KE MPT

MPT menerima lawatan dari Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) pada 11 Januari 2019 (Jumaat) sempena penganjuran program Tahun Melawat Sepang 2020 (TMS2020) sebagai usaha mempromosikan produk pelancongan daerah Sepang di Negeri Selangor. Sebanyak

sembilan negeri telah dijelajah MPSepang membabitkan Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Terengganu, Perak, Kedah dan Pulau Pinang bagi mempromosikan TMS2020. Lawatan singkat ini bertujuan edaran risalah TMS2020 diketuai oleh Tuan Muhammad Hafiz bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua MPSepang dan 50 peserta konvoi bermotor dan kereta yang terdiri daripada kakitangan MPSepang. Konvoi MPSepang ini membawa identiti daerah termasuk memperkenalkan produk pelancongan seperti keindahan flora dan fauna serta produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

7. KEMPEN TAWARAN PENGURANGAN KOMPAUN LETAK KERETA 2019

MPT akan menawarkan pengurangan kompaun tempat letak kereta sebanyak 70 peratus berkuat kuasa dari 28 Januari hingga 28 Februari 2019. Pengurangan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pesalah sebelum perkara ini dibawa ke mahkamah. Bagi kompaun yang tidak dibayar segera, kadar kompaun akan meningkat dan pihak MPT akan mengambil tindakan mahkamah dan jika disabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM 300 berdasarkan Subseksyen 72 (7), Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Bagi orang ramai yang kehilangan penyata kompaun, mereka hanya perlu memberi nombor pendaftaran kenderaan untuk semakan dan penyata kesalahan akan dikeluarkan. Setelah pembayaran dilakukan, resit akan dikeluarkan sebagai bukti. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis berharap agar orang

ramai menggunakan peluang ini untuk menjelaskan kompaun tempat letak kereta masing-masing bagi mengelakkan masalah kompaun tertunggak yang akan menyebabkan pelbagai kesulitan.

8. SULTAN PAHANG DIPILIH SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG KE-16

DYMM Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Shah telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baharu bagi tempoh lima tahun berkuat kuasa 31 Januari 2019. Pemilihan Seri Paduka Baginda dibuat pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-251 (Khas) di Istana Negara semalam (24 Januari 2019). Baginda menggantikan

Sultan Muhammad V yang meletak jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 berkuatkuasa 6 Januari lalu selepas memegang tampuk pemerintahan negara sejak 13 Disember 2016. Mesyuarat tersebut turut memilih Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh sama. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad dalam kenyataan pada 7 Januari berkata, Majlis Raja-Raja memutuskan istiadat melafaz sumpah jawatan dan menandatangani surat memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong baharu dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong ditetapkan pada 31 Januari ini.

